

22 OCT 2003

Mahathir-Jiran

MALAYSIA TERUS PEGANG FALSAFAH MEMAKMURKAN JIRAN

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

DILI, 22 Okt (Bernama) -- Malaysia akan terus berpegang kepada falsafah memakmurkan jiran agar mereka juga dapat menikmati pembangunan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata jiran yang mewah akan menguntungkan negara kerana mereka boleh menjadi pasaran bagi barangan Malaysia serta tidak mempunyai masalah sehingga melimpah ke luar.

Falsafah itu bukan sahaja boleh digunakan untuk negara-negara yang berjiran secara dekat tetapi juga yang terletak jauh dari Malaysia, katanya.

Dengan mengambil contoh serangan 11 Sept 2001, Dr Mahathir berkata walaupun kejadian itu berlaku di New York namun ia turut memberi kesan kepada Malaysia.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap pada jamuan malam bersama masyarakat Malaysia di sini sempena lawatannya ke Timor Leste.

Dr Mahathir yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali merupakan pemimpin negara asing yang pertama membuat lawatan rasmi ke negara ini sejak ia mencapai kemerdekaan pada Mei 2002.

Mengenai Timor Leste, Dr Mahathir yakin bahawa negara ini akan dapat mencapai tahap pembangunan seperti di Malaysia.

Katanya, ketika baru merdeka, keadaan di Malaysia juga seperti Timor Leste dan terpaksa melalui cabaran untuk membangunkan negara.

Dr Mahathir berharap rakyat Malaysia yang bertugas di negara ini akan bersikap baik dengan penduduk tempatan dan sentiasa bersedia menolong mereka.

"Dengan itu, kita akan mempunyai nama yang baik...kita tak mahu bersikap sombong," kata Dr Mahathir yang tiba hari ini untuk lawatan rasmi tiga hari.

-- BERNAMA

AZZ JM RON